



**BERJAYA SCHOOL OF HUMANITIES & SOCIAL SCIENCES**  
**Faculty of Liberal Arts**

**FINAL EXAMINATION**

Student ID (in Figures) :

Student ID (in Words) :  


---

  


---

Course Code & Name : **MPU2132 Bahasa Melayu Komunikasi 1**  
 Trimester & Year : September - December 2018  
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
 Duration : 2 Hours

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

1. This question paper consists of 2 parts:  
**PART A (30 marks)** : THIRTY (30) multiple-choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.  
**PART B (70 marks)** : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
 SOALAN 2 – Tatabahasa  
 SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**BAHAGIAN B****: SOALAN SUBJEKTIF (70 MARKAH)****ARAHAN**

: Jawab semua soalan di bawah ini.

---

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 MARKAH)****Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Anand belajar di Universiti Putra Malaysia. Universiti ini sangat besar. Terdapat pelbagai fakulti seperti fakulti bahasa, kejuruteraan, perubatan, teknologi maklumat dan lain-lain lagi. Di perpustakaan, terdapat banyak buku rujukan. Anand selalu pergi ke perpustakaan untuk mengulang kaji pelajaran, meminjam buku dan membuat perbincangan dalam kumpulan. Biasanya, Anand akan pergi ke perpustakaan pada waktu malam, iaitu dari pukul 8.00 malam hingga 10.00 malam. Pada waktu petang, Anand pergi ke pusat sukan universiti. Di pusat sukan universiti ada pelbagai kemudahan seperti gimnasium, kolam renang, gelanggang badminton dan tenis, dan padang bola sepak. Anand dan kawan-kawan selalu berenang di pusat sukan dan bermain bola sepak di padang universiti. Anand suka belajar di sini kerana banyak kemudahan.

1. Di manakah Anand belajar? **(2 markah)**
2. Apakah **TIGA (3)** perkara yang dilakukan oleh Anand di perpustakaan? **(3 markah)**
3. Berapa lamakah Anand berada di perpustakaan? **(2 markah)**
4. Apakah **TIGA (3)** kemudahan di pusat sukan universiti? **(3 markah)**

**Petikan (ii)**

Baca petikan perbualan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Zul : Selamat pagi, cik. Boleh saya bantu?

Tina : Selamat pagi. Nama saya Tina. Saya sedang menunggu kawan perempuan saya.

Zul : Adakah dia bekerja di sini?

Tina : Ya. Dia bekerja sebagai juruwang di sini.

Zul : Oh, siapakah namanya? Bagaimanakah rupa dia?

Tina : Nama dia Suzanne. Dia berkulit putih. Matanya besar dan bulat. Rambut lurus dan panjang. Dia juga seorang yang peramah. Encik bekerja di pusat beli-belah ini?

Zul : Ya. Saya bekerja sebagai penyelia di sini. Saya ialah Zul. Saya rasa saya kenal Suzanne. Kami memanggilnya, Anne.

Tina : Terima kasih, Encik Zul. Saya merupakan kawan serumahnya. Saya menunggunya untuk pulang ke rumah bersama-sama.

Zul : Oh, begitu. Sekarang pukul 6.15 petang. Biasanya, mereka sudah pulang pada jam 6.00 petang. Mungkin dia masih belum turun ke bawah.

Tina : Ya, betul. Suzanne baru sahaja telefon saya. Dia mungkin lambat kerana mahu menukar pakaian dahulu.

Zul : Oh, itu pun Suzanne. Saya pergi dulu. Gembira berjumpa kamu, Tina.

Tina : Ya. Saya juga gembira berjumpa dengan Encik Zul. Terima kasih.

1. Di manakah berlakunya perbualan di atas? **(2 markah)**

2. Apakah **EMPAT (4)** ciri perwatakan Suzanne? **(4 markah)**

3. Apakah pekerjaan Encik Zul? **(2 markah)**

4. Mengapakah Suzanne lambat? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 MARKAH)**

a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini berdasarkan situasi berikut:

- I. pinggan
- II. pelanggan
- III. lapar
- IV. juruwang
- V. bungkus

**(10 markah)**

(b) Terjemahkan ayat-ayat yang berikut ke dalam bahasa Inggeris.

- 1. Nasi goreng itu sedap.
- 2. Saya tidak suka makanan pedas.
- 3. Sayur itu tidak sedap kerana pahit.
- 4. Encik mahu makan apa?
- 5. Saya mahu jus limau tetapi tidak mahu ais.
- 6. Di manakah beras, gula dan garam?
- 7. Saya tidak pernah makan durian kerana baunya busuk.
- 8. Apakah warna kesukaan awak?
- 9. Kereta itu biru itu kereta saya.
- 10. Ini ialah pisang, bukan epal.

**(20 markah)**

### **SOALAN 3 : KARANGAN (20 MARKAH)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Ceritakan mengenai Malaysia.

**atau**

2. Tuliskan tentang warna kesukaan kamu.

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**